

21 JUN 2001

Umno-Mahathir (Reaksi)

MESEJ DR MAHATHIR MEMBAWA KESEDARAN KEPADA ORANG MELAYU

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di perhimpunan agung ke 55 Umno secara umumnya meminta orang Melayu untuk bersatu semula dengan segera demi masa depan bangsa dan negara, kata presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Ling berkata ucapan itu yang menyentuh pelbagai subjek seperti teknologi maklumat, pendidikan dan politik mempunyai mesej jelas kepada masyarakat Melayu bahawa adalah penting bagi mereka menyokong sepenuhnya Umno dan mengekalkan keamanan.

"Bagi MCA, Umno merupakan tunjang BN... kita mahu melihat Umno yang kukuh, yang juga bermakna BN yang kukuh," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri ucapan presiden Umno semasa perhimpunan agung parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dengan menyifatkan ucapan itu sebagai satu yang tepat pada masanya, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata keamanan, kestabilan dan keharmonian yang ditekankan oleh Perdana Menteri adalah sangat penting untuk Malaysia terus maju dan menjadi sebuah negara perindustrian.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M.Kayveas berkata, ucapan Dr Mahathir membawa mesej kepada orang Melayu supaya mereka menilai diri sendiri dalam semua bidang.

Semasa bercakap kepada Bernama beliau berkata kerajaan dan Umno telah melakukan segala yang mungkin demi kebaikan masyarakat Melayu dan diberi pelbagai keistimewaan dan peluang untuk maju.

"Ataupun dengan lain perkataan segala-galanya disediakan...tidak mungkin ada yang lebih baik, jika mereka mengutuk kerajaan dan mahu menukar kerajaan ia tidak akan membawa mereka ke mana-mana," dan menambah kata pembangkang belum lagi matang untuk memerintah negara.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata ucapan Dr Mahathir juga meminta orang Melayu berterimakasih kepada Umno dan Barisan Nasional bagi semua pengorbanan dan sumbangan.

Beliau berkata, satu lagi mesej ialah orang Melayu perlu menguasai Bahasa Inggeris untuk menghadapi globalisasi dan oleh itu mereka tidak akan diperkecilkan oleh sesiapa.

Sementara itu, Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said berkata ucapan dasar presiden itu jelas menunjukkan beliau serius dalam merekayasa Umno.

Apa yang disampaikan oleh Dr Mahathir dalam ucapannya itu sebenarnya merupakan satu isu mudah yang mempunyai kaitan langsung dengan orang Melayu tanpa mengira parti yang diwakili, katanya.

"Beliau menyentuh isu yang mudah - mengenai Melayu yang berpecah, dipergunakan, menjadi ejen musuh - membabitkan semua Melayu tanpa mengira parti dan kena pada tempatnya

"Pada pendapat saya apa yang lebih menarik ialah beliau tidak memberitahu kita apa yang perlu dilakukan. Beliau menyerahkan kepada kita untuk membuat pilihan. Beliau meletakkan tanggungjawab itu kepada semua perwakilan dan semua orang Melayu memutuskan sendiri apa yang perlu mereka lakukan," kata Azalina.

Ditanya reaksi beliau mengenai penggunaan perkataan "haprak" beberapa kali dalam ucapan presiden, Azalina berkata: "Saya sukakannya, ia perkataan baru dan lebih baik daripada "penyangak" yang beliau sebut tahun lepas.

Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng pula berkata dengan menyentuh perkara asas seperti pendidikan dan ekonomi, Dr Mahathir mahu masyarakat

Melayu memperbaiki kedudukan diri mereka sendiri supaya akhirnya menjadi "Melayu Boleh" yang berkebolehan dan bermaruah tinggi.

Beliau berkata sememangnya pemimpin Umno itu benar-benar ingin menyedarkan orang Melayu tanpa menyimpan sebarang hasrat untuk mencari populariti sendiri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata: "Saya fikir ucapan Dr Mahathir ini adalah majun yang paling berkesan yang pernah diberikan kepada orang Melayu amnya dan Umno khususnya, dan ubat itu perlu dimakan untuk survival bangsa di masa depan."

Katanya Presiden Umno sekali lagi membuktikan keupayaan beliau tidak sahaja dalam memimpin Malaysia malah turut menyuntik idea-idea baru untuk Umno dalam perjuangannya untuk negara.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata orang Melayu perlu insaf bahawa mereka tidak lagi boleh mengharap kepada faktor tradisi seperti dasar-dasar yang memihak kepada mereka untuk terus mengharungi cabaran akan datang.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak berkata ucapan Presiden parti itu sekiranya dihayati secara mendalam oleh setiap anggota Umno dan umat Islam, ia boleh menjadi satu suntikan yang dapat memperkasakan perjuangan dan kemajuan serta memberi kekuatan untuk menghadapi sebarang cabaran dan ancaman.

"Saya lihat bahawa ucapan Presiden adalah luar biasa bukan sahaja dari segi masa tetapi dari segi sikap terus terangnya dan sikap beraninya untuk mengupas apa dia pemasalahn sebenar yang menjadi hambatan kepada kejayaan dan kemajuan bangsa Melayu kita," katanya.

"Kita tak sanggup bekerja kuat sehingga kita hampir-hampir sanggup menggadaikan negara kita kepada orang lain. Jika kita nak elak sejarah berulang dari segi sejarah menghukum dan mendera bangsa Melayu, maka kita harus mengikis segala tabiat dan amalan buruk ini," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata: "Saya gembira bahawa Presiden mengingatkan kita supaya balik ke pangkal jalan dan ingat daripada mana kita datang kerana apa yang kita ada sekarang ini bukan datang menggolek".

Beliau berkata sekiranya bangsa Melayu melupakan dari mana asalnya kemungkinan orang Melayu akan kembali semula seperti dahulu sebagai satu bangsa yang dihina.

"Pesanan ini cukup relevan. Mesej adalah sangat jelas, kalau tak timbul juga kesedaran selepas ini saya rasa Umno akan benar-benar hadapi masalah," katanya.

Rafidah berkata apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri supaya orang Melayu bersatu dan tidak melupakan perjuangan, sememangnya dihayati oleh Wanita Umno dengan kesedaran yang tinggi.

Seorang anggota Perwakilan, Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail, menganggap ucapan Perdana Menteri itu sebagai "mencabar orang Melayu supaya bangun" dan sedar akan hakikat yang hak keistimewaan orang Melayu tidak akan kekal selamanya terutama apabila dunia kini menerima pelbagai tekanan akibat globalisasi.

Dr Ku Abdul Rahman yang juga Setiausaha Politik kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata semua orang Melayu perlu menerima secara ikhlas teguran Dr Mahathir.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Datuk Suhaimi Ibrahim pula berkata teguran Dr Mahathir itu juga adalah jawapan kepada kekeliruan yang ditimbulkan oleh pembangkang diminda rakyat terutama dakyah bagi mempengaruhi generasi muda seperti pelajar.

Suhaimi berkata mesej Dr Mahathir akan disebarkan kepada 3,000 pemimpin pelajar semasa Konvensyen Pelajar-pelajar Melayu pada 13 Julai yang akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Amanat ini akan dijadikan satu cara kita salur maklumat dan harapan Dr Mahathir kepada generasi muda khususnya kepada pelajar," katanya.

Timbalan Ketua Umno bahagian Johor Baharu Datuk Khaled Nordin berkata ucapan Dr Mahathir cuba menyedarkan orang Melayu mengenai peranan Umno selama ini dan apa yang akan berlaku kepada orang Melayu jika Umno tidak lagi berkuasa.

Khaled yang juga Timbalan Menteri Kerja Raya berkata jika ucapan itu betul-betul dihayati serta difahami, majoriti orang Melayu akan menerima segala kebenaran yang terdapat dalam ucapan tersebut.

"Soalnya orang Melayu keliru, mungkin pemimpin tak hebah... kalau dijelaskan secara terperinci rakyat akan terima," katanya.

Bekas ketua Pemuda Umno Tan Sri Rahim Thamby Chik pula berkata amanat Presiden parti jelas mahukan perubahan sikap bagi membolehkan orang Melayu menceburi bidang korporat secara berkesan.

"Kita tidak boleh amalkan nilai-nilai hidup yang lama dengan bersikap menjual hak kita, tak rajin bekerja dan berusaha," kata Rahim yang juga bekas ketua menteri Melaka.

Rahim berkata mesej Dr Mahathir amat penting daripada segi bahawa hanya dengan kejayaan penguasaan ekonomi oleh orang Melayu, maka asas perpaduan dan kestabilan yang lebih besar dapat diwujudkan.

Penasihat Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) Mohamedumar B. Peer Mohamed berkata ucapan Dr Mahathir yang juga menyentuh perhubungan kaum membuktikan bahawa Malaysia berjaya mewujudkan perkongsian bijak antara kaum.

"Dan manfaatnya, rakyat berjaya menikmati kemakmuran yang jauh beza berbanding banyak negara lain di Asia," katanya.

-- BERNAMA

NHA MAM ZS LAT